

25/02/1997

BHC belum beri RM5 juta

KUCHING, Isnin - Tabung Amanah Bakun (TAB) yang dilancarkan untuk menjaga kebajikan penduduk di tapak projek hidro elektrik Bakun, masih menunggu sumbangan RM5 juta yang dijanjikan oleh Bakun Hydro-Electric Corporation Bhd (BHC).

Pengerusi tabung itu, Dr James Masing, berkata pihaknya setakat ini sudah menerima peruntukan RM10 juta iaitu masing-masing RM5 juta daripada kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Menurutnya, hanya BHC, pemaju projek empangan hidro elektrik berharga RM13.6 bilion itu belum menyalurkan sumbangannya kepada tabung yang dilancarkan pada Ogos tahun lalu itu.

"Jawatankuasa tabung sudah menulis surat kepada BHC meminta wang itu disalurkan segera bagi membolehkan TAB melaksanakan tanggungjawabnya tetapi belum ada jawapan," katanya di sini, hari ini.

TAB dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Sibu pada 7 Ogos tahun lalu dengan dana RM15 juta dikongsi bersama oleh Kerajaan Sarawak, Kerajaan Pusat dan BHC.

Tabung itu bertujuan menyediakan bantuan kewangan dalam bidang pendidikan dan latihan kemahiran bagi masyarakat tempatan, yang kebanyakannya dipindahkan bagi memberi laluan kepada pelaksanaan projek raksasa itu.

(END)